



**ADNAN YAAKOB** (dua dari kiri) menyampaikan surat tawaran Projek PRIMA kepada **Ku Ghazali Ku Yakub** selepas melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Perumahan Parlimen Temerloh 2016-2020 dan PRIMA Pahang sambil disaksikan **Mohd. Sharkar Shamsudin** (tiga dari kiri) dan **Wan Rosdy Wan Ismail** (empat dari kiri) di Dewan Sri Mentakab, Temerloh, Pahang, semalam. - BERNAMA

# Kejadian akibat penerokaan lama

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
shofi.isa@utusan.com.my

■ **TEMERLOH 31 MEI**

**K**ERAJAAN negeri mengakui tidak mampu dan tidak boleh untuk menggalas tugas pemantauan dan menangani kegiatan penerokaan tanah secara haram di kawasan tanah tinggi, Cameron Highlands.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, oleh sebab itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengambil alih tanggungjawab tersebut.

Tidak menafikan kejadian sebuah jambatan runtuh dan beberapa buah kenderaan rosak akibat dihanyutkan air dalam kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di Cameron Highlands pada Ahad lalu berpunca daripada penerokaan tanah secara haram di situ, beliau berkata, kejadian itu berlaku kesan daripada penerokaan lama

di kawasan tanah tinggi tersebut.

"Tanah runtuh bukan sebab buat hari semalam, ini akibat daripada penerokaan lama, itu yang Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan MKN mengambil alih pemantauan sebab kerajaan negeri tak mampu, tak boleh buat.

"Yang runtuh semalam itu (Ahad) kesan lama, bukannya kita lulus bulan lepas, runtuh bulan ini. Ini adalah akibat daripada usaha penerokaan haram dulu, sekarang kita telah pun melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, MKN menangani masalah itu, tiada lagi dah penerokaan haram, yang ada baharu ini sikit kita nampak di sempadan Kelantan, kalau pergi ke Lojing lagi teruk, saya malas hendak sebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pelan Strategik Pembangunan Perumahan Parlimen Temerloh 2016-2020 dan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) Pahang, di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsudin dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran negeri, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Ahad lalu, Ketua Polis Daerah Cameron Highlands, Deputy Superintendan Zainalabidin Othman berkata, banjir pada kira-kira pukul 2.30 pagi itu menyebabkan jambatan di Sungai Ulu Telom di Batu 49, Kuala Terla runtuh.

Beliau berkata, ini menyebabkan hampir 1,000 penduduk di empat buah kampung Orang Asli di Pos Terisu terputus hubungan dengan jalan utama.

Semalam, Presiden Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (REACH), R. Ramakrishnan berkata, kejadian banjir kilat yang melanda daerah itu sehingga mengakibatkan sebuah jambatan runtuh merupakan petanda kepada risiko berlaku bencana alam sekitar lebih besar di kawasan tanah tinggi itu.